



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

3 Ogos 2019

1. Permit import keratin ayam lulus ikot prosedur; Kosmo

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input checked="" type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Negara		M/SURAT: <input type="text" value="15"/>	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input checked="" type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
3.8.2019			

Permit import keratan ayam lulus ikut prosedur

PUTRAJAYA – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menafikan pihaknya tidak mengikut prosedur berhubung kelulusan pemberian permit pengimportan keratan ayam untuk tujuan pemprosesan tambah nilai.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, kelulusan permit import hanya diberikan kepada syarikat pengusaha produk tambah nilai hasil ayam yang mematuhi prosedur ditetapkan JPV.

Antaranya memiliki loji dan kilang bagi memproses keratan ayam tersebut untuk dijadikan produk hiliran lain seperti burger serta sosej.

Pemohon yang memenuhi syarat ditetapkan kemudiannya

akan dirujuk kepada jawatankuasa di peringkat jabatan dan kementerian sebelum dibawa kepada perhatian Ketua Setiausaha Kementerian untuk tindakan lanjut.

“Berdasarkan syor jawatankuasa itu yang terlebih dahulu turun membuat tinjauan di lapangan, Ketua Setiausaha Kementerian akan membuat keputusan sama ada permohonan itu diluluskan atau ditolak,” katanya pada sidang media di sini semalam.

Beliau mengulas mengenai dakwaan pihak tertentu yang disebarkan melalui media sosial sejak minggu lalu yang antara lain mendakwa JPV tidak telus, hanya memberi permit import kepada syarikat tertentu. – Bernama



QUAZA